

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 48

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah peranan negeri Sarawak dalam pelaksanaan “*food security*” seperti yang telah dirancang sebelum ini dan telah diteruskan oleh Kerajaan baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sarawak merupakan salah satu pemain utama sektor agromakanan di Malaysia. Dengan jumlah tenaga buruh sektor pertanian yang tinggi, negeri Sarawak juga merupakan di antara pengeluar utama komoditi agromakanan seperti beras, beberapa tanaman kontan dan herba, ternakan babi dan perikanan darat. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus meningkatkan peranan negeri Sarawak dalam pelaksanaan sekuriti makanan di masa hadapan.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian ini sedang dan akan melaksanakan sebanyak 65 buah program atau projek pembangunan. Ianya membabitkan kos keseluruhan sebanyak RM1.69 bilion dan siling peruntukan tahun 2019 sebanyak RM148 juta.

Beberapa kerjasama strategik di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri Sarawak juga sedang dan akan dilaksanakan kelak. Sebagai contoh, negeri Sarawak telah disasarkan untuk muncul sebagai jelapang padi negara yang baharu di samping negeri Kedah dan Perak dengan pembukaan jelapang padi baharu di IADA Batang Lumar, Sarawak meliputi kawasan seluas 5,100 hektar. Ia merangkumi kawasan seperti Entulang (110 hektar), Gran (140 hektar), Stumbin (550 hektar), Bijat (700 hektar), Seduku (1,500 hektar) dan Lingga Banting (2,100 hektar).

Selain itu, sebanyak RM1.02 juta juga telah diperuntukkan untuk program pembangunan tanaman nanas di kawasan Batang Lumar dengan keluasan 113 hektar dari tahun 2016 hingga 2018 sebagai tambahan daripada kawasan utama penanaman nanas yang terletak di Samarahan.

Sekian, terima kasih.